

TR 3:5:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI POLITEKNIK UNGKU OMAR IPOH, PERAK PADA 10HB MEI, 1974

Y.B. Menteri Pelajaran, Pengetua Politeknik Ungku Omar, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat hadir bersama-sama pada petang ini untuk menyempurnakan pembukaan rasmi Politeknik Ungku Omar ini. Kita semua maklum, upacara ini memang sudah lama ditunggu-tunggu oleh para pelajar dan guru-guru Politeknik ini tetapi terpaksa ditangguhkan oleh sebab sesuatu keadaan. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana memberikan saya penghormatan merasmikan pembukaannya hari ini setelah berjalan selama lima tahun.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Politeknik Ungku Omar ini adalah Politeknik yang ulung bagi negara kita dan dinamakan sebagai mengingati jasa-jasa Allahyarham Datuk Dr Ungku Omar terhadap negara dalam bidang pendidikan. Semasa hayatnya, Dr Ungku Omar dengan tidak mengenal penat lelah telah menjalankan usaha-usaha untuk memajukan rakyat Bumiputra dan meninggikan taraf pelajaran negara kita bukan sahaja dalam bidang Sains dan Teknologi bahkan juga dalam bidang Ugama Islam. Dr Ungku Omar sejak dari zaman mahasiswa di Singapura lagi telah giat dalam usaha-usaha memajukan pelajaran dan pendidikan terutama di kalangan pelajar-pelajar Melayu serta turut membantu dalam perkembangan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmiah. Saya percaya mereka yang bertanggungjawab dalam mengelolakan Politeknik ini, pelajar-pelajar serta siswazah-siswazah Politeknik ini akan mencontohi semangat pengorbanan Allahyarham Dr Ungku Omar dan akan terus menjayakan hasrat dan cita-cita Allahyarham itu.

Sebagaimana kita sedia maklum, negara kita sedang berkembang dengan pesatnya di dalam berbagai-bagai lapangan untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran untuk negara dan rakyat. Salah satu daripada strateji penting dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah mempelbagaikan ekonomi negara dan di samping memodenkan sektor pertanian, kita memberikan perhatian yang berat terhadap

perkembangan industri. Kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua di bidang perusahaan seperti perlombongan, pengilangan dan perusahaan pembinaan adalah melebihi daripada matalamat yang dijangkakan untuk tempoh itu. Ini sangatlah membanggakan kita dan diharap perkembangan ini dapat dikekalkan. Mulai tahun ini kita akan masuk berkecimpung dalam lapangan baru iaitu perusahaan petroleum. Potensi industri petroleum amat menggalakkan dan saya menaruh kepercayaan penuh terhadap kejayaannya yang akan menjadikan kita antara negara-negara pengeluar minyak yang terkemuka di dunia.

Adalah jelas usaha ke arah mencapai kejayaan dalam berbagai-bagai lapangan perindustrian ini memerlukan tenaga rakyat yang terlatih di dalam semua peringkat dan lapangan. Kerajaan telah memperuntukkan anggaran perbelanjaan sebanyak \$733.1 juta atau 7.8% daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan Awam untuk bidang pelajaran dan latihan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Perbelanjaan yang banyak ini mencerminkan betapa beratnya pandangan Kerajaan terhadap langkah dan usaha menyediakan tenaga rakyat yang terlatih dalam semua jurusan.

Pada masa ini kita sangat kekurangan tenaga terlatih yang diperlukan. Satu penyiasatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kekosongan jawatan bagi Juruteknik di peringkat pertengahan dalam sektor awam sahaja ialah sebanyak 25%. Ini belum lagi dihitungkan kekosongan yang ada dalam sektor swasta. Sementara rancangan-rancangan pelajaran dan latihan disusun untuk memenuhi keperluan masyarakat yang berasaskan teknologi moden, kerajaan akan menumpukan perhatian yang lebih kepada usaha-usaha untuk menambahkan lagi tenaga rakyat di peringkat pertengahan (middle-level manpower).

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang pernah saya katakan, kejayaan Dasar Ekonomi Baru khasnya menyusun semula masyarakat bergantung pada kemampuan kita menukar corak pertanian daripada bentuk tradisional kepada corak pertanian moden. Dalam pada itu, sangatlah mustahak kita meluaskan bidang perindustrian kerana di sini lah letaknya rahsia kejayaan negara-negara yang maju seperti Sweden, Jerman dan Jepun. Oleh yang demikian, amatlah perlu dibina satu kumpulan besar tenaga terlatih dalam semua jurusan terutama bidang teknik kejuruteraan.

Politeknik Ungku Omar ini merupakan satu projek Kerajaan Khusus bagi menyediakan juruteknik-juruteknik untuk memenuhi keperluan-keperluan bidang awam dan swasta terutama dalam projek-projek perindustrian dan amnya bagi menyediakan tenaga rakyat di peringkat pertengahan. Untuk masa ini dijadualkan Politeknik ini mengeluarkan kira-kira 400 orang juruteknik tiap-tiap tahun. Menjelang tahun 1980, pengeluarannya dijangka akan meningkat kepada 600 orang tiap-tiap tahun. Walaupun demikian, adalah nyata bahawa bilangan ini belum dapat menampung semua keperluan negara. Untuk memenuhi keperluan-keperluan ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebentar tadi, Kerajaan akan membina sebuah lagi Politeknik di Kuantan pada tahun 1976. Politeknik tersebut kelak dijangka akan dapat mengeluarkan 600 orang juruteknik pada tiap-tiap tahun.

Kejayaan Politeknik ini tidak syak lagi adalah hasil daripada kerjasama daripada berbagai pihak. Dalam hal ini sukalah saya merakamkan penghargaan Kerajaan Malaysia di atas segala sumbangan yang diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya suka merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak kerana telah memberikan tapak bagi Politeknik ini; kepada United Nations Development Programme (UNDP) di atas caruman berbentuk kewangan untuk projek bangunan Politeknik ini kepada UNESCO di atas kerjasamanya mengadakan pakar-pakar tekniknya dan kepada Kerajaan Jepun di atas bantuannya dalam bidang marine engineering serta lain-lain pihak termasuk sukarelawan-sukarelawan luar negeri yang menjadi tenaga pengajar di Politeknik ini.

I would like to take this opportunity to express our gratitude for the assistance given towards this project—the UNDP for its contribution to the building programme; UNESCO for providing technical experts; the Japanese Government for assistance in setting up marine engineering division and others who have assisted the institution in one way or another.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Semenjak Politeknik ini ditubuhkan lima tahun yang lalu, seramai lebih kurang 1,200 orang juruteknik telah menerima latihan di sini dan sekarang mereka berkhidmat di Jabatan-jabatan Kerajaan dan sektor swasta. Peranan yang dimainkan oleh

Politeknik ini dalam membantu menjayakan matalamat pembangunan negara sangatlah penting. Saya fikir masanya sudah tiba bagi Kerajaan menempatkan Politeknik ini di satu taraf yang wajar dari segi pentadbiran dan pengelolaannya. Untuk tujuan dan matalamat ini saya telah mengarahkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjadikan Politeknik ini suatu badan berkanun mulai dari tahun 1975.

Akhir kata, saya sekali lagi menyeru kepada pihak pentadbir, pensyarah-pensyarah dan juga penuntut-penuntut Politeknik ini supaya menjalankan peranan masing-masing dengan penuh keazaman dan dedikasi, demi kepentingan negara.

Dengan itu, saya dengan segala sukacitanya merasmikan pembukaan Politeknik Ungku Omar ini.